

**Pendekatan Popular Najib Bukan Gimik Pilihan Raya – Zambry
Bernama
26 Julai, 2012**

IPOH, 26 Julai (Bernama) -- Pendekatan popular dengan turun padang dan bertemu masyarakat termasuk pemandu teksi, imam dan kumpulan agama lain bukan 'gimik' Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) akan datang.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata kajian yang dijalankan secara tidak langsung menunjukkan Najib merupakan perdana menteri yang sentiasa memenuhi janji rakyat melalui pelbagai pendekatan terutama program transformasi yang dicetuskan beliau.

"Kalau ada yang kata ini gimik, beliau telah lakukan pendekatan seperti ini bukan beberapa bulan tetapi sudah bertahun-tahun...beliau datang ke Perak ini bukan sekali tetapi berpuluh-puluh kali. Ini bukan hanya gimik, ini adalah transformasi dan juga transformasi politik.

"Beliau menunjukkan kita mempunyai landskap baru politik dan kita perlu bersama-sama dengan aspirasi rakyat dan apa yang rakyat harapkan daripada kita," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan Ramadan kepada kakitangan pejabat kerajaan negeri dan media di sini, pada Khamis.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan akhbar hari ini yang melaporkan populariti Najib didapati meningkat mendadak di lima negeri yang sedang dan pernah dikuasai pembangkang manakala sokongan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Nik Aziz Nik Mat merosot.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683470>

